

Garis Panduan Memasukkan Maklumat Hebahan, Berita dan Banner di Laman Web Baharu

Pengenalan

Warga kampus boleh memohon kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) untuk memasukkan bahan berita, maklumat hebahan, sebutharga dan banner di dalam laman web baharu UiTM CPP. Namun, terdapat beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi agar maklumat dan bahan yang hendak dipaparkan di laman web adalah seragam dan mengikut prosedur korporat yang telah ditetapkan. Maklumat yang hendak dimasukkan ke laman web perlu disalurkan melalui laman <https://penang.uitm.edu.my/index.php/component/sppagebuilder/?view=page&id=340>

A. Berita/Hebahan/Pengumuman

Sebarang bentuk berita berkaitan aktiviti dalam kampus, program universiti, pencapaian warga UiTM CPP dan lain-lain hebahan/pengumuman yang sesuai untuk dipaparkan di laman web.

Maklumat yang diperlukan:

1. Tajuk Berita/Hebahan (tidak melebihi 15 patah perkataan)
2. Cerita/Penerangan Berita (padat dan lengkap)
3. Gambar (gambar program/aktiviti/sijil/hadiah) Minimum saiz: 500px X 500px

B. Sebutharga

Sebarang Sebutharga atau Kenyataan Tender yang dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari UiTM CPP atau mana pihak yang terlibat. Maklumat yang diperlukan:

1. No Dokumen
2. Tajuk Dokumen
3. File Iklan Sebutharga (format PDF Sahaja)

C. Banner

Banner boleh dimuatnaik dilaman web dan dipaparkan di halaman utama. Maklumat yang diperlukan:

1. Tajuk
2. Gambar Banner (Saiz: 1920px X 600px) (50.8cm X 15.875cm)
3. Content di dalam banner perlu berada dalam kotak berwarna hijau seperti rajah dibawah.

